

68
NO SOALAN :341

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos sebenar bagi menyiapkan projek pembinaan ECRL dan apakah terma serta syarat yang perlu dipatuhi syarikat yang melaksanakan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional yang melibatkan pembinaan laluan keretapi sepanjang 688.3km dari Pengkalan Kubor, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor. Projek ini melibatkan 2 fasa iaitu pembinaan Fasa Pertama sepanjang 600.3 km di antara Kota Bharu, Kelantan ke Terminal

Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor dengan kos pembinaan sebanyak RM46 bilion manakala pembinaan Fasa Kedua sepanjang 88 km bermula dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor dan dari Kota Bharu ke Pengkalan Kubor, Kelantan dengan kos pembinaan sebanyak RM9 bilion. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kos pembinaan Projek ECRL sebanyak RM55 bilion. Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL dikawal sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Untuk makluman Yang Berhormat, terma-terma yang telah dipersetujui oleh kontraktor utama iaitu *China Communications Construction Co. Ltd.* (CCCC) di dalam Kontrak Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan dan Pentaulahan (EPCC) melibatkan beberapa aspek seperti:-

1. Penglibatan kontraktor tempatan sebanyak 30% bagi kerja-kerja sivil.
2. Penggunaan bahan tempatan akan sentiasa diberi perhatian dalam pelaksanaan projek ECRL.
3. Melindungi kepentingan pemilik projek.

Selain itu, pihak CCCC juga perlu mematuhi syarat-syarat yang telah

ditetapkan setelah kelulusan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri serta agensi-agensi kerajaan lain seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.